



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/01/13_02 (HQ)

TNB BERMINAT TEROKA PELUANG DI IBU KOTA NUSANTARA DAN PERKUKUH KERJASAMA DENGAN PLN DALAM PERALIHAN TENAGA

- TNB menyatakan minat untuk mengambil bahagian dalam pembangunan Ibu Kota Negara Nusantara
- TNB & PLN berhasrat untuk mempercepatkan agenda Peralihan Tenaga (ET) di kedua-dua syarikat

Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz menyerahkan Surat Hasrat (LOI) kepada Pengurus Otorita Ibu Kota Nusantara (IKN) pada Ahad, 8 Januari 2023.

LOI itu menyatakan minat TNB untuk meneroka dan mengambil bahagian dalam pembangunan dan operasi penyelesaian tenaga di IKN Nusantara, Indonesia merentasi pelbagai teknologi seperti gas, solar, angin, hidro dan penyimpanan bateri.

TNB juga berminat untuk meneroka sebarang peluang dalam perniagaan kesalinghubungan grid melalui kerjasama dengan PT Perusahaan Listrik Negara (PLN) untuk membangunkan infrastruktur penghantaran voltan tinggi yang selamat dan boleh dipercayai di Global City for All, IKN Nusantara.

Penyerahan LOI itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika lawatan dua hari ke Indonesia yang berakhir pada 9 Januari 2023.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din berkata, bahawa LOI akan membantu mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama kedua-dua negara serta mempercepatkan pembangunan tenaga bersih di kedua-dua negara.

Pada majlis itu, Baharin turut menyerahkan satu lagi LOI kepada Pengarah Perancangan Sistem dan Transmisi PLN, Evy Haryadi untuk mengkaji semula MoU sebelum ini bagi meneruskan kerjasama peralihan tenaga yang bertanggungjawab, sejajar dengan komitmen kelestarian kedua-dua syarikat tenaga.

Sambil menyatakan bahawa terdapat banyak persamaan antara kedua-dua syarikat, beliau berkata "Kedua-dua TNB dan PLN akan mendapat manfaat bersama daripada perkongsian kepakaran dan pengalaman ini dalam menghadapi cabaran peralihan tenaga."

Menjelaskan LOI ini, Baharin berkata, TNB mencadangkan agar MoU disemak semula bagi membolehkan kedua-dua utiliti menghidupkan kembali kajian penerokaan pembangunan kemudahan kesalinghubungan voltan tinggi di antara Sumatera, Indonesia ke Semenanjung Malaysia.

S.A. 2023/01/13_02 (HQ)

“Rangkaian di antara Sumatera dan Semenanjung Malaysia adalah sebahagian daripada Grid Tenaga ASEAN. Apabila projek ini siap kelak, negara-negara di rantau ASEAN akan dapat berkongsi sumber penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB), mengambil bahagian dalam perdagangan tenaga pelbagai hala dan menyediakan keselamatan tenaga untuk rantau ini,” tambah Baharin.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 Januari 2023, jam 11:30 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (depan, kanan) menyerahkan surat hasrat (LOI) kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz (depan, kiri) untuk meneroka peluang pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan penyelesaian peralihan tenaga di IKN Nusantara, Indonesia di Jakarta pada 8 Januari 2023.

Ia disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah), Menteri Luar, Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abd Kadir (belakang, ekstrem kiri); Menteri Luar Indonesia, Retno Marsudi (belakang, dua kanan) dan Menteri Kerja Raya dan Perumahan Indonesia, Basuki Hadimuljono (belakang, ekstrem kanan).



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (depan, kanan) menyerahkan LOI cadangan semakan semula Memorandum Persefahaman (MoU) di antara TNB dan PLN kepada Pengarah Perancangan Sistem dan Transmisi PLN, Evy Haryadi (depan, kiri) di Jakarta pada 8 Januari 2023.

Ia disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah); Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz (belakang, kedua kiri); Menteri Luar, Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abd Kadir (belakang, ekstrim kiri); Menteri Luar Negeri Indonesia, Retno Marsudi (belakang, dua kanan) dan Menteri Kerja Raya dan Perumahan Indonesia, Basuki Hadimuljono (belakang, ekstrem kanan).



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din